

Perkhidmatan awam perlu dirombak semula

UM - 12/12/2006

KUALA LUMPUR 11 Dis. - Perkhidmatan awam negara ini harus dirombak semula bagi menjadikannya lebih dinamik dan berdaya saing, sejajar dengan arus pembangunan semasa, kata **Senator Gooi Hoe Hin**.

Katanya, skim gaji dan insentif sesetengah jawatan tidak lagi kompetitif dengan kos hidup yang tinggi masa kini.

"Saya menyeru agar disemak semula dan jika perlu, skim sesetengah anggota iktisas dan professional seperti polis, doktor dan jururawat dirombak semula supaya skimnya berlainan.

"Imbuhan yang diberikan kepada golongan ini haruslah setanding dengan tugas dan tanggungjawab mereka," katanya semasa membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2007 di Dewan Negara di sini, hari ini.

Hoe Hin berkata, peperiksaan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK)

bagi kakitangan awam juga harus diberi pemerhatian yang baru memandangkan kursus dan peperiksaan yang dijalankan seringkali tidak berkaitan dengan profesion dan tanggungjawab calon.

"Ramai kakitangan awam gagal dalam peperiksaan PTK kerana soalan-soalan tidak relevan dengan tanggungjawab mereka.

Pengetahuan

"Saya fikir ini mencerminkan sesuatu yang tidak sempurna. Saya faham anggota perkhidmatan awam perlu dilengkapkan dengan ilmu pengetahuan masa kini tetapi cara pelaksanaannya mempunyai lebih kesan buruk daripada yang baik," katanya.

Persidangan Dewan Negara di-

sambung esok.

- **Bernama**